

**NO. SOALAN: 134**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG ]**

**TARIKH : 17 MEI 2016**

**RUJUKAN : 8974**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah yang telah diambil berkenaan laporan polis no: SG RENGIT/001036/14 bertarikh 4 November 2014 dan kenapa tiada tindakan yang diambil sehingga kini.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Berhubung dengan Sungai Rengit Repot : 1036/2014, pihak polis masih meneruskan siasatan dengan mengambil beberapa tindakan susulan sepertimana yang telah diarahkan oleh pihak Timbalan Pendakwaraya.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17 MEI 2016  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [ KINABATANGAN ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) dalam membantu Kerajaan mengatasi kekurangan perumahan mampu milik dalam bandar dan apakah perancangan pihak Kementerian pada masa akan datang.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 10 Mei 2016 pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memberi kelulusan kepada 39 pemaju bagi 41 projek Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*) yang merangkumi sebanyak 9,571 unit rumah di seluruh negara. Kementerian akan terus komited untuk meneruskan pelaksanaan Skim *MyHome* pada masa akan datang, tertakluk kepada keupayaan kewangan Kerajaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016